

# Sokong idea dengan teknik khusus

## DARI HALAMAN 19

Encik Mokhtar, selaku peguam bela kepada Encik Bakri, orang kanan Hospital Havard, akan berusaha sedaya-upaya mempertahankan anak guamnya daripada terseret ke dalam penjara. Encik Mokhtar tidak mahu anak guamnya itu tewas dalam pendakwaan Farith di mahkamah. Setelah mendapat bahan bukti daripada Hisyam, Farith berasa curiga dengan beberapa keping gambar Encik Kamri bersama-sama dengan ayahnya, Encik Bakri dan seorang lagi yang malangnya telah dikoyak (dengan sengaja oleh Hisyam). Segala-gala nampak mustahil untuk memenangi kes itu.

Saya bukanlah pakar tentang bidang undang-undang. Ia sesuatu yang kompleks dan istilah-istilah yang digunakan juga agak janggal di telinga masyarakat awam. Apalagi proses pembicaraan yang memakan tempoh masa yang lama dan penuh liku-liku pendakwaan dan pembelaan dalam mahkamah. Namun jika anda pernah menonton, sekurang-kurangnya sebuah filem bertema penyiasatan dan perundangan seperti *No Way Out*, betapa misterinya sistem perundangan yang tidak diketahui oleh orang-orang biasa. Bukan hal yang mustahil, andai wujud kes jenayah yang dilakukan dari sebuah rancangan rahsia untuk menyelamatkan individu terpenting dan dihormati. Kononnya individu itu harus dilindungi dan terlepas daripada pendakwaan dunia. Adakah pengarang cerpen *Pengadilan Yang Tertunda* seorang pelajar dalam jurusan undang-undang? Jika ya, ia suatu kesempatan terbaik buat penulis muda itu untuk menyerapkan ilmu dan pengetahuannya ke dalam naskhah-naskhah kreatif. Mengapa tidak? Sastera mengalu-alukan kehadiran dan kepakaran golongan profesional untuk menambahkan lagi kekayaan tema dalam skop penulisan kreatif.

Apabila pengarang memilih cerita yang menelusuri dunia perundangan dan sekali gus menggabungkan

lingkaran anatomi jenayah, ia suatu usaha digalakkan yang untuk meningkatkan standard penulisan. Karya sastera yang baik dan malar segar amat memerlukan tema-tema kritikal sedemikian dan sudah tentu sahaja ia memerlukan beberapa sokongan ilmu dan kepintaran terkini. Hal ini kerana, sesebuah cerita mantap dengan tema yang canggih, menagih keupayaan penanganannya dalam urusan pertukangan deskriptif. Namun kerana keterbatasan teknikal, perbendaharaan bahasa dan ketajaman pelukisan aksi, maka hal-hal itu telah menjadikan cerpen yang sepatutnya menarik itu berakhir dengan kesan sederhana sahaja. Percubaan pengarang memberikan kerumitan jalinan penceritaannya tampak tidak kesampaian kerana kekurangan pengetahuan dalam cerita bertemakan perundangan.

Lihat sahaja betapa mudahnya dialog-dialog yang berlaku semasa proses pembicaraan dalam mahkamah. Jelas tidak membantu kekuatan naskhah. Pengarang perlu melakukan kerja rumah berhubung proses pembicaraan kes dalam mahkamah. Misalnya menggali maklumat dari buku-buku perundangan atau sekurang-kurangnya menonton drama-drama bertema perundangan melalui skrin televisyen. Pembaca masa kini mahu diyakini bahawa mereka sedang membaca naskhah yang ditulis oleh pengarang berpengetahuan tentang subjek diceritakan. Itulah pentingnya ilmu bantu. Walau apa pun genre yang ingin diangkat sebagai karya kreatif, pengarang perlu membekalkan diri dengan sebanyak-banyaknya pengetahuan untuk dituangkan ke dalam penulisan. Sila baca novel-novel tulisan John Grisham, sebagai contoh. Bukan sekadar menulisnya secara ambil mudah. Aspek sebegitu perlu diambil serius untuk menjadi seorang pengarang yang berwibawa.

Farith sepatutnya mengumpul sebanyak mungkin bahan bukti sebelum ke mahkamah. Watak utama memikul satu tanggungjawab keluarga demi

memurnikan nama baik ayahnya yang dijatuhkan hukuman dengan secara misteri. Bergantung kepada hanya beberapa keping gambar ternyata belum begitu kuat dan meyakinkan pada penilaian Hakim. Di manakah penglibatan jabatan forensik dalam mengesahkan gambar-gambar itu? Bagaimana andai memang Encik Raihan benar-benar bersalah atas kematian Encik Kamri disebabkan masalah peribadi? Menurut Farith, ayahnya hanya menjadi mangsa keadaan. Diperangkap kenalan sendiri agar menjadi suspek pembunuhan. Bahkan Farith mengupah orang untuk mengekori gerak-geri Hisyam. Sebaliknya, ini dialog balasan yang diungkapkan oleh Encik Bakri tentang ayah Farith, *"Sebelas tahun lepas, ayah kau begitu patuh akan arahan Encik Kamri kerana takut kehilangan kerjanya untuk menyara anak bodoh macam engkau. Ayah engkau dilayan seperti sampah oleh Encik Kamri. Dia dimaki, dihina dan diherdik setiap kali datang bekerja."*

Gabungan tiga serangkai penyubahat itu, Encik Bakri, Encik Mokhtar dan Hisyam ditentang oleh Farith secara bersendirian. Berdasarkan dialog pada bahagian akhir cerita itu daripada Encik Bakri; Encik Mokhtar dan Hisyam adalah penjenayah sebenar yang menyebabkan kematian Encik Kamri. Encik Kamri mahukan nama dan kemasyhuran sementara nafsu Encik Bakri ingin menjadi ahli politik. Farith terpaksa menyelesaikan kes itu di luar mahkamah. Dengan dirinya yang ditekan oleh dendam dan dikhianati pula oleh rakan sendiri, terjadilah kejadian tembak-menembak dalam rumah Hisyam. Drama yang biasa kita tonton dalam filem-filem bergenre penyiasatan dan saspens itu digambarkan secara seadanya sahaja oleh pengarang sebagai kemuncak kepada misi balas dendam Farith. Adakah dia berasa puas hati dengan penamat sedemikian? Ada semacam kekeliruan yang menyeliputi fikiran Farith apabila mengenangkan kata-kata terakhir Hisyam tentang

ayahnya;

*"Ayah engkau mati setelah dendamnya sudah selesai."* Apa maksudnya? Ungkapan itu mengganggu nurani Farith, saya dan pembaca yang jeli akan persoalan terpendam di sebalik kata-kata dilafazkan oleh Hisyam. Alangkah segeranya pihak polis datang ke tempat kejadian. Hal itu jarang terjadi dalam kehidupan sebenar. *"Setelah beberapa minit, datanglah sekumpulan pegawai polis ke tempat tersebut. Pihak penyiasat memecah masuk bilik Hisyam yang menyimpan semua bahan bukti, dan baharulah mereka percaya, memang benar, Encik Raihan tiada kena mengena dengan kematian Encik Kamri. Dia hanyalah mangsa keadaan."* Jika Hisyam benar-benar lebih bersifat teliti, mengapa dia menyimpan bahan bukti di dalam bilik rumah sendiri? Bukankah itu tindakan yang akhirnya menjerat diri sendiri? Pembuktian bahawa Encik Raihan benar-benar tidak bersalah atau menjadi mangsa keadaan juga belum ditunjukkan dengan meyakinkan oleh pengarang cerpen. Ia masih meragui.

Dalam buku *Kritikan Karya Sastera Sebagai Karya Seni*, tulisan Lutfi Abas, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, tahun 2000, pada halaman 182, penulis buku mengungkapkan bahawa, *"karya sastera adalah karya seni. Antara syarat seni ialah pembaharuan dan keaslian. Penulis yang sedar bahawa karya sastera adalah karya seni dan bukan dokumen kebudayaan, terus-menerus tidak pernah berasa puas dengan suatu teknik penulisan yang telah digunakannya atau yang telah digunakan oleh penulis lain. Fikiran penulis terus-menerus diganggu untuk bereksperimen bagi mendapatkan teknik penulisan yang baharu atau asli bagi dirinya sendiri yang belum pernah dibuat oleh penulis lain."*

Berdasarkan perspektif oleh Lutfi Abas di atas, saya memuji pendekatan Nurul Iffah Afiah dalam menghasilkan naskhahnya itu. Sangat langka menemui

cerpen bertema perundangan dari tangan penulis muda.

Dunia penulisan masih terlalu kaya dan ia mengundang para penulis untuk terus menerokainya. Jangan berhenti hanya pada sesuatu tema yang seragam sahaja. Itulah mustahaknya mempelbagaikan bahan pembacaan (di luar bidang sastera) sebagai bahan bantu dalam memperkayakan penulisan.

Anak muda harus berani mencuba sesuatu yang

baharu. Berdasarkan pembacaan menyeluruh, jelas, cerpen itu masih banyak perlu diperbaiki.

Walaupun subjek hendak diangkat oleh pengarang, bahkan dimasukkan pula aksi penyiasatan mendebarakan, pengarang dilihat belum lagi memiliki pengetahuan luas mengisahkan cerita itu. Idea dan cerita menarik tidak akan berhasil andai tidak disokong dengan ilmu dan teknik yang khusus. Teruslah menimba ilmu dan menulis.

## BORANG PENYERTAAN

### Editor

Wadah Bahasa dan Sastera/  
Yang Indah Itu Bahasa,  
Unit Penerbitan, Aras 2,  
Dewan Bahasa dan Pustaka  
Cawangan Sarawak,  
Jalan Tun Abdul Rahman  
Yaakub, 93050 Kuching, Sarawak.



Bersama-sama ini disertakan karya (Cerpen/Puisi/Esei Kritikan atau Artikel)\* yang berjudul:

.....  
.....  
Nama Penuh: .....

No. Kad Pengenalan: .....

No. Akaun dan Nama Bank: .....

.....  
.....  
Alamat Surat-menyurat: .....

.....  
.....  
No. Telefon/E-mel: .....

Dengan ini saya mengesahkan bahawa karya saya ini adalah karya asli dan naskhah asal serta belum pernah tersiar di mana-mana penerbitan.

Tandatangan: .....

Tarikh:.....

Catatan: Panjang cerpen/esai kritikan atau artikel hendaklah sekitar 8 hingga 12 muka surat bertaip langkau dua baris (fon Arial). Penulis digalakkan menghantar karya melalui e-mel kepada: [nasir\\_h@dbp.gov.my](mailto:nasir_h@dbp.gov.my), [lilyjoo@dbp.gov.my](mailto:lilyjoo@dbp.gov.my) atau penerbitan.  
[dbpsar@dbp.gov.my](mailto:dbpsar@dbp.gov.my)  
Tel.: +6082-22 7000 Faks.: +6082-22 7077

"Pembinaan Negara Bangsa

Melalui Bahasa Melayu"

